

Guna Akauntan Percukaian
Bantu Buat Keputusan

Elak Bayar Penalti



Bersama
SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services
Sdn Bhd
www.salihin.com.my



ENAM bulan yang pertama tahun 2009 telah berakhir dan seterusnya para usahawan perlu memikirkan perancangan untuk menghadapi enam bulan yang akan datang sebelum berakhirnya tahun 2009. Sesungguhnya enam bulan yang lepas adalah saat-saat yang begitu mencabar bagi para usahawan. Pada mereka yang telah berjaya mengharungi dan bertahan sepanjang enam bulan yang lepas, tahniah diucapkan kepada anda.

Dalam keadaan yang tidak menentu sekarang adalah perlu bagi kita menganalisa semula kedudukan perniagaan dengan mengenal pasti masalah atau kekangan perniagaan dan menumpukan perhatian kepada kekuatan yang ada. Istilah mencubacuba hendaklah dielakkan kerana dalam persekitaran ekonomi yang semakin terhad sumbernya sekarang, keuntungan boleh menyusut dan akhirnya boleh menyebabkan kerugian.

Tunai adalah raja. Adalah penting bagi para usahawan meningkatkan tunai dan mengekang aliran keluar tunai. Pembayaran cukai sama ada dalam bentuk potongan cukai dan bayaran penalti akan melibatkan pengaliran keluar tunai.

Oleh itu adalah penting syarikat melaksanakan pengurusan cukai yang berkesan untuk meminimumkan pengaliran keluar tunai. Beberapa panduan cukai untuk para usahawan sepanjang kegawatan ekonomi ini akan disentuh pada artikel kali ini.

Semakan Semula Anggaran Cukai

Kegawatan ekonomi boleh menyebabkan pengurangan keuntungan dan syarikat mungkin mengalami penurunan keuntungan yang drastik. Oleh sebab demikian, syarikat hendaklah mengkaji semula kedudukan kewangan semasa syarikat, sama ada akan merekodkan keuntungan atau kerugian. Seperti yang kita sedia maklum, bayaran cukai semasa adalah berdasarkan anggaran cukai yang telah dibuat sebulan sebelum bermulanya tahun kewangan yang baru.

Anggaran asal cukai adalah berdasarkan keadaan ekonomi semasa dan unjuran keuntungan syarikat pada masa akan datang. Sekiranya

Istilah mencubacuba hendaklah dielakkan kerana dalam persekitaran ekonomi yang semakin terhad sumbernya sekarang, keuntungan boleh menyusut dan akhirnya boleh menyebabkan kerugian

syarikat menjangkakan ada penurunan keuntungan, semakan semula kepada anggaran cukai hendaklah dibuat. Pihak syarikat hendaklah memaklumkan kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk membuat pindaan anggaran asal cukai syarikat. Pindaan anggaran cukai ini boleh dilakukan pada bulan yang keenam dan kesembilan pada tempoh perakaunan sesuatu syarikat.

Adalah penting bagi syarikat untuk meneliti semula anggaran cukai tersebut supaya syarikat tidak perlu mengeluarkan pembayaran yang berlebihan dan membayar penalti akibat lambat bayar, di mana wang tersebut dapat digunakan untuk tujuan yang lebih produktif seperti untuk modal pusingan syarikat.

Pembayaran Balik Cukai

Setelah semakan semula terhadap anggaran cukai, mungkin terdapat cukai terlebih bayar. Perundingan dengan pihak LHDN perlulah dibuat untuk mendapatkan cukai terlebih bayar ini secepat mungkin. Rundingan juga boleh dibuat agar cukai terlebih bayar ini digunakan untuk membayar anggaran cukai semasa. Ini dapat membantu kita untuk mengurangkan aliran keluar tunai.

Memaksimumkan Perbelanjaan Dibenarkan

Semasa kegawatan ekonomi, kawalan kos adalah penting demi kelangsungan operasi syarikat. Di

bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, secara amnya, terdapat dua jenis perbelanjaan. Pertama, perbelanjaan yang dibenarkan iaitu perbelanjaan yang mendapat tolakan terus dalam pengiraan cukai. Kedua, perbelanjaan yang tidak dibenarkan iaitu perbelanjaan yang akan dicampur semula dalam pengiraan cukai. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang percukaian haruslah dielakkan atau jumlahnya diminimumkan manakala perbelanjaan yang layak memperoleh penolakan dua kali seharusnya dimanfaatkan dengan sepenuhnya.

Elakkan Denda Dan Penalti

Syarikat haruslah memastikan mereka mematuhi undang-undang dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak LHDN seperti Akta Cukai dan Ketetapan Umum yang sedia ada kerana setiap kesalahan boleh mengundang kepada pembayaran penalti.

Misalnya jika syarikat lewat menghantar borang taksiran tahunan dalam tempoh yang ditetapkan, syarikat akan dikenakan denda lewat hantar yang membawa penalti tidak kurang RM200 hingga RM2 000 bagi satu tahun taksiran. Syarikat juga boleh dikenakan denda ke atas lewat pembayaran cukai atau potongan cukai berjadual (PCB) yang membawa penalti 10 peratus dan lima peratus ke atas jumlah bayaran tersebut. Penalti ini adalah kos yang boleh dielakkan dengan pengurusan dan pematuhan yang efektif.

Penghutang Perniagaan

Kelembapan ekonomi juga memberi kesan kepada penghutang perniagaan. Kejadian seperti perniagaan tutup kedai dan kelambatan pembayaran hutang sudah menjadi lumrah. Oleh itu, penting untuk kita membuat analisa yang berterusan berkenaan dengan penghutang perniagaan kita sama ada peruntukan atau pelupusan terus boleh dilakukan. Dari segi percukaian, peruntukan penghutang

Terdapat banyak ruang percukaian yang boleh dimanfaatkan bagi mengambil peluang sepenuhnya insentif cukai dan pelaburan yang diberi oleh pihak kerajaan

perniagaan lapuk tidak dibenarkan penolakan tetapi penolakan adalah dibenarkan untuk penghutang perniagaan yang khusus.

Contohnya 15 peratus peruntukan kepada jumlah kesemua penghutang perniagaan, tidak dibenarkan penolakan tetapi pelupusan penghutang ABC Sdn Bhd boleh dibenarkan untuk penolakan. Untuk mendapat penolakan cukai, garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ketetapan Umum 1/2000 hendaklah dipatuhi. Misalnya tindakan undang-undang yang sewajarnya telah diambil kepada penghutang perniagaan tersebut.

Runding Dengan Pemiutang Perniagaan

Syarikat berkemungkinan menghadapi gangguan aliran tunai dan peningkatan liabiliti bagi menampung kos perniagaan. Sebagai langkah proaktif, syarikat perlu berunding dengan peminjam untuk menstruktur semula pinjaman. Antara isu percukaian yang harus dipertimbangkan adalah seperti percukaian yang efisien daripada pemilihan pendanaan semula antara pendanaan secara Islam atau konservatif. Selain itu syarikat juga boleh mengadaikan asetnya bagi melangsaikan hutang syarikat. Namun syarikat perlu mengambil langkah awal bagi memastikan tempoh penjualan aset tersebut tidak berada

dalam tempoh dua tahun selepas ianya diperolehi kerana LHDN akan menarik semula elaun-elaun yang diberikan kepada aset tersebut dengan menaikkan jumlah cukai dalam bentuk kenaan imbalan.

Rujuk Akauntan Percukaian

Dalam membantu syarikat untuk menghadapi ekonomi masa kini, adakalanya sesuatu keputusan mempunyai implikasi-implikasi yang berbeza dan tidak kurang besar impaknya kepada kewangan syarikat. Akauntan percukaian atau ejen cukai boleh memberi pandangan mereka secara profesional kepada pihak syarikat dalam usaha mereka merancang percukaian syarikat mereka.

Terdapat banyak ruang percukaian yang boleh dimanfaatkan bagi mengambil peluang sepenuhnya insentif cukai dan pelaburan yang diberikan oleh pihak kerajaan. Dengan merujuk kepada akauntan percukaian masing-masing, pihak syarikat boleh memastikan keputusan yang dibuat tidak akan membebankan syarikat di kemudian hari.

Penutup

Faktor-faktor yang dibincangkan sebentar tadi hendaklah dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak syarikat. Penglibatan akauntan percukaian dapat membantu proses membuat keputusan berkaitan dengan percukaian syarikat. Dengan panduan ini, diharap para usahawan dapat membuat tindakan yang bijak dalam mengharungi detik-detik mencabar di masa hadapan. **US**

PERCUMA! **KLINIK CUKAI**
Walk-in Consultation (setiap Jumaat)
• 9.00 pagi – 12.00 tengahari
• 2.00 petang – 5.00 petang

atau email:
info@salihin.com.my (24 jam)
Silalah hubungi untuk temujanji anda
di talian 603 61874678
atau email kami sekarang!!

** Tertakluk kepada terma dan syarat